

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang Akademik 1998/99

Februari 1999

HGM 233 - Geografi Bandar Dan Metropolitan

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LAPAN [8] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab **EMPAT** [4] soalan sahaja.

1. [a] Jelaskan maksud konsep Kawasan Desakota seperti yang diperkenalkan oleh McGee.

[10 markah]
- [b] Dengan merujuk kepada contoh-contoh tertentu, bincangkan kebergunaan konsep ini untuk menjelaskan peralihan kawasan desa-bandar di rantau Asia ketika ini.

[15 markah]
2. [a] Jelaskan maksud bandaraya mega.

[10 markah]
- [b] Bincangkan alasan mengapa kewujudan dan pertumbuhan seterusnya bandaraya jenis ini patut digalakkan.

[15 markah]
3. Dengan merujuk kepada bandaraya-bandaraya tertentu, bincangkan pernyataan bahawa ekonomi global tidak muncul begitu sahaja, tetapi ianya dibina dan bandaraya berperanan dalam proses ini.

[25 markah]

4. Dengan merujuk khusus kepada bandaraya Kuala Lumpur, bincangkan sejauhmana proses globalisasi telah mempengaruhi pola guna tanah kawasan dalaman bandaraya ini sejak 1980-an.
- [25 markah]
5. [a] Jelaskan faktor pengaruh pertumbuhan industri perkhidmatan kewangan di bandaraya.
- [10 markah]
- [b] Bincangkan implikasi pertumbuhan sektor ini dari sudut penstrukturkan semula ruangan bandaraya.
- [15 markah]
6. Dengan merujuk kepada sebuah bandaraya, bincangkan sejauhmana benar dan tepat pernyataan yang menyifatkan Daerah Perniagaan Pusat sebagai sumber pertumbuhan dan kedinamikan sesebuah bandaraya.
- [25 markah]
7. Mozek (*mosaic*) kawasan kediaman bukan satu fenomena statik. Bincangkan perubahan-perubahan yang sentiasa berlaku.
- [25 markah]
8. Dalam konteks pembangunan lestari, bincangkan pengaruh bentuk dan fungsi bandar dalam menentukan kelestarian sesebuah bandaraya.
- [25 markah]